

Pameran kerjatangan wanita akademis

Bahan asal dari Arkitab
Negara Malaysia

TEMA Ekspo Wanita Akademis Kedua yang berlangsung di Bangunan Fusanika, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, adalah mengenai 'Wanita Akademis Nadi Masyarakat'.

Ekspo anjuran Bahagian Hal Ehwal Wanita, Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia itu telah diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula dari 19 Februari hingga 21 Februari lalu.

Ekspo Wanita Akademis ini diarasikan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Ali.

Dalam ucapannya, beliau menyebut, "Sumbangan wanita dalam urusan negara dan pembangunan semakin meningkat dan kedudukan wanita juga telah menjadi bertambah baik. Mereka tidak sahaja membuktikan bahawa mereka berperanan penting dalam masyarakat malahan mampu memberi sumbangan yang besar pada masyarakat dan negara."

"Bagaimanapun, kaum wanita harus sedar bahawa walau dalam apa jua kedudukan dan apa jua peranannya, mereka perlu ingat bahawa mereka adalah wanita dan mereka boleh diperalakan."

"Dalam hal ini, persefahaman kaum lelaki adalah perlu. Soal sama ada wanita lebih berkesan dari lelaki dalam menjalankan sesuatu peranan atau jawatan tidak harus timbul. Yang penting ialah seseorang itu, sama ada ia lelaki atau wanita, berani menjalankannya, sanggup melakukannya dan sentiasa memperbaikinya."

Antara lain tujuan Ekspo ini diadakan adalah untuk:

- Mendedahkan

Laporan Zaini Zainuddin

Gambar2 oleh Alfred Quek

pada masyarakat kampus dan luar kampus mengenai peranan kaum wanita akademis sebelum ini dan juga peranan yang harus mereka titikberatkan dalam pelbagai bidang.

• Menunjukkan betapa pentingnya negara melahirkan golongan wanita akademis agar dengan itu mampu pula melahirkan kaum masyarakat yang berpelajaran tinggi dan bersedia menyelesaikan masalah yang dihadapi, baik di kalangan mereka mahupun masyarakat.

• Sebagai penghargaan pada tokoh-tokoh wanita akademik terutamanya yang lahir dari Universiti Kebangsaan Malaysia sendiri.

Beberapa buah negara luar yang mengambil bahagian dalam Ekspo tersebut ialah Turki, Korea, Jerman dan Russia. Setiap negara memperlihatkan ciri-ciri budaya masing-masing. Tidak kurang juga yang memaparkan tugas dan tanggungjawab kaum wanitanya lebih-lebih lagi peranan mereka dalam masyarakat yang dinamis dan harmoni.

Negara Korea yang kaya dengan barang-barang tembikar yang serba patung kayu jelimet juga memaparkan kehidupan masyarakat Korea yang gigih membuat kerja-kerja kemahiran



□ Datin Solmah Haji Abu Bakar (kiri), isteri Profesor Datuk Dr. Awang Had Salleh (tengah) menyampai cenderamata kepada Datin Seri Dr. Siti Hasmah.

Pakaian tradisi negara Korea yang mayuh dengan 'Baju kecil bolero' diperbuat dari kain baldi serta topi bersegi turut dipamerkan.

Negara Russia juga tidak ketinggalan dalam ukiran seninya. Mangkuk, cawan serta teko ayannya penuh dengan seni halus yang sungguh mengagumkan. Cantuman warna yang menarik ditambah pula dengan ukiran halus bercorak bunga dan segi memikat mata dan serasa ingin memilikinya.

Bekas air dari tembikar berwarna putih dengan ukiran seni bercorak bunga di sekeliling bahagian bawah atas dan tudungnya sungguh indah. Dan ia bukan sahaja digunakan sebagai tempat menyimpan air tetapi juga boleh digunakan sebagai

bekas bunga, sekiranya diperlukan tanpa menggunakan tudungnya.

Sebagai sebuah negara Islam, negara Turki tidak pernah menghalang kaum wanitanya keluar bekerja. Kalaupun mereka tidak keluar dari rumah, masa mereka masih tetap dipenuhi dengan kerjatangan yang menghasilkan barang-barang seni serba cantik.

Tanding

Ini jelas terlihat dalam Ekspo ini. Turki memamerkan jag air bertangkai yang dibuat dari tanah liat. Bunga-bunga halus diukir sekeliling bahagian bawah jag tersebut.

Selain itu, negara Turki juga menunjukkan barang tembikar yang berkilau berwarna putih. Ia

berbentuk sebuah tempat mengis makanan yang lengkap dengan tudungnya sekali. Blasa digunakan di kalangan pembesar-pembesar negeri dan masih lagi digunakan sehingga kini. Kalau pun tidak digunakan, ia boleh menjadi hiasan paling indah.

Poster-poster menarik menunjukkan kemajuan kaum wanita dan kegiatan yang dijalankan juga dipaparkan.

Selain pameran, diadakan juga tayangan slide dan filem sumbangan lain-lain negara luar.

Malahan, hasil kerjatangan wanita akademis masyarakat kampus Universiti Kebangsaan Malaysia juga adalah salah satu bahan yang dipamerkan.

Antara hasil kerjatangan itu adalah kait-mengait, lipatan dan gubahan hantaran sebagai gambaran bahawa wanita yang menghuni di kampus adalah juga golongan wanita yang berminat dalam bidang kerjatangan.

Hasil kerjatangan itu telah dipertandingkan.

Sebelum itu, Ekspo Wanita Akademis Pertama telah diadakan dua tahun lalu setelah menyedari kepentingan kedudukan wanita akademis dalam masyarakat.

Usaha seumpama ini, yang telah dijayakan oleh masyarakat kampus sendiri sudah tentu memencerminkan pemikiran mereka yang tinggi serta tidak mahu ketinggalan menabur bakti pada masyarakat. Tetapi, hendaknya, pameran jangan ditinggal pameran semata-mata. Jadikan panduan ke arah jalan yang lebih bermakna.



□ Datin Seri Dr. Siti Hasmah Ali mendengar penerangan dari Duta besar Turki ke Malaysia mengenai seni kerjatangan halus dari negara Turki di ekspo itu.